

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**PENGGOMPUTERAN AWAN**

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1	Apakah pekeliling yang boleh dijadikan panduan bagi perolehan perkhidmatan pengkomputeran awan?	<p>a. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2021: Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam, bertarikh 10 Jun 2021;</p> <p>b. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2021: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (<i>Cloud Computing</i>) Dalam Perkhidmatan Awam, bertarikh 9 Ogos 2021; dan</p> <p>c. PK 2.6: Pekeliling Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (Cloud) Sektor Awam, berkuat kuasa mulai 15 April 2022.</p> <p>d. Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam.</p>
2	Apakah prosedur atau tatacara untuk melaksanakan perolehan pengkomputeran awan?	<p>Terdapat empat (4) tatacara perolehan pengkomputeran awan seperti berikut:</p> <p><b>a) Kos projek kurang dari RM5 juta dan menggunakan peruntukan JDN</b></p> <p>i. Melaksanakan kajian pasaran terhadap empat (4) Panel Managed Service Provider (MSP);</p> <p>ii. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Melengkap dan menghantar templat permohonan perkhidmatan pengkomputeran awan kepada mygovcloud@jdn.gov.my. Templat permohonan boleh didapati di portal JDN;</li> <li>iv. Mendapatkan kelulusan JPICT JDN; dan</li> <li>v. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6.</li> </ul> <p><b>b) Kos projek kurang dari RM5 juta dan menggunakan peruntukan selain peruntukan JDN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan kajian pasaran terhadap empat (4) Panel Managed Service Provider (MSP);</li> <li>ii. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;</li> <li>iii. Melengkap dan menghantar templat permohonan perkhidmatan pengkomputeran awan kepada urussetiajtisa@jdn.gov.my dan mygovcloud@jdn.gov.my. Templat permohonan boleh didapati di portal JDN; dan</li> <li>iv. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6.</li> </ul> <p><b>c) Kos RM5 juta dan ke atas</b></p> <p>Tatacara adalah sepertimana permohonan kelulusan teknikal JTISA.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan kajian pasaran terhadap empat (4) Panel Managed Service Provider (MSP);</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;</li> <li>iii. Permohonan dikunci masuk ke dalam Sistem PROFIT; dan</li> <li>iv. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6.</li> </ul> <p><b>d) Kos projek kurang dari RM5 juta dan menggunakan peruntukan selain peruntukan JDN yang melibatkan Managed Service Provider (MSP) sebagai Pengedar Tunggal (Sole Provider)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan kajian pasaran melalui pengedar tunggal;</li> <li>ii. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;</li> <li>iii. Melengkap dan menghantar templat permohonan perkhidmatan pengkomputeran awan kepada <a href="mailto:urussetiajtisa@jdn.gov.my">urussetiajtisa@jdn.gov.my</a> dan <a href="mailto:mygovcloud@jdn.gov.my">mygovcloud@jdn.gov.my</a>. Templat permohonan boleh didapati di portal JDN;</li> <li>iv. JDN mengesahkan bahawa produk hanya ditawarkan oleh satu CSP (pengedar tunggal) dan boleh dilaksanakan secara rundingan terus; dan</li> <li>v. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6.</li> </ul>
3	Bagaimanakah kaedah perolehan lesen perisian Microsoft?	<p><b>a) Kontrak yang masih berkuat kuasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Agensi boleh meneruskan kontrak sedia ada sehingga tempoh kontrak tersebut tamat;</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>ii. Bagi kontrak yang akan tamat pada atau sebelum 30 September 2022, Agensi dibenarkan untuk melanjutkan kontrak sehingga tempoh maksimum selama satu (1) tahun sahaja (tempoh interim). Pelanjutan kontrak ini adalah tertakluk kepada tatacara sedia ada; dan</p> <p>iii. Perolehan baharu selepas tempoh interim hendaklah dilaksanakan berdasarkan PK2.6 untuk tempoh 3 tahun.</p> <p><b>b) Kontrak yang telah tamat</b> Pembaharuan lesen hendaklah dilaksanakan berdasarkan PK2.6 untuk tempoh 3 tahun.</p> <p><b>c) Kontrak baharu</b> Perolehan baharu hendaklah dilaksanakan berdasarkan PK2.6 untuk tempoh 3 tahun</p> <p><b>Nota:</b> Kontrak Pusat Master Licensing Agreement (MLA) telah tamat pada 1 Februari 2021.</p>
4	Apakah prosedur atau tatacara untuk melaksanakan perolehan Google Workspace For Education?	<p>a) Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;</p> <p>b) Melengkap dan menghantar templat permohonan perkhidmatan pengkomputeran awan kepada <a href="mailto:urussetiajtisa@jdn.gov.my">urussetiajtisa@jdn.gov.my</a> dan <a href="mailto:mygovcloud@jdn.gov.my">mygovcloud@jdn.gov.my</a>. Templat permohonan boleh didapati di portal JDN;</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>c) JDN mengesahkan bahawa Google Workspace For Education hanya ditawarkan oleh satu MSP (pengedar tunggal) dan boleh dilaksanakan secara rundingan terus; dan</p> <p>d) Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6.</p> <p><b>Nota:</b> Google Cloud Malaysia Sdn. Bhd. melantik Syarikat Awantec System Sdn. Bhd. sebagai MSP bagi produk Google Workspace.</p>
5	Adakah kos penggunaan perkhidmatan awan ditanggung oleh JDN?	<p>Agensi boleh memohon kepada JDN bagi penggunaan peruntukan perkhidmatan pengkomputeran awan di bawah projek <i>Government Hybrid Cloud</i> (GHC). Peruntukan hanya boleh digunakan bagi skop perkhidmatan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Infrastructure as a service</i> (IaaS);</li> <li>b. <i>Platform as a service</i> (PaaS);</li> <li>c. <i>Software as a service</i> (SaaS);</li> <li>d. <i>Cloud professional services</i> yang ditawarkan oleh Panel CSP dan MSP; dan</li> <li>e. <i>Cloud managed services</i> yang ditawarkan oleh MSP.</li> </ul> <p><i>Professional services</i> dan <i>managed services</i> yang tidak berkaitan secara langsung dengan perkhidmatan pengkomputeran awan yang ditawarkan oleh Panel CSP dan MSP tidak termasuk dalam skop yang ditanggung oleh JDN.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		Peruntukan GHC di bawah JDN hanya merangkumi lima (5) jenis perkhidmatan tersebut di atas yang disediakan oleh empat (4) Panel CSP dan empat (4) MSP sahaja. Perkhidmatan lain seperti pembangunan, penyelenggaraan serta khidmat sokongan berkaitan sistem dan yang seumpamanya tidak tertakluk di bawah tanggungan JDN.
6	Apakah skop perkhidmatan yang tidak diambilkira bagi penggunaan peruntukan Projek Government Hybrid Cloud (GHC) JDN ?	Pembangunan sistem (yang memerlukan pelantikan <i>System Integrator</i> (SI)), penyelenggaraan sistem, integrasi sistem, pengoperasian/managed services berkaitan sistem. Perkhidmatan tersebut perlu disediakan menggunakan peruntukan agensi.
7	Siapakah penyedia Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam?	<p>Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam merupakan gandingan antara JDN sebagai penyedia perkhidmatan <i>cloud</i> Kerajaan dengan empat (4) panel <i>cloud service provider</i> (CSP) iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Amazon Web Services (AWS) Sdn. Bhd.;</li> <li>b. Google Cloud Malaysia Sdn. Bhd.;</li> <li>c. Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd.; dan</li> <li>d. Telekom Malaysia Berhad.</li> </ul> <p>Manakala <i>Managed Service Provider</i> (MSP) yang merupakan syarikat tempatan yang dilantik oleh CSP masing-masing iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Radmik Solutions Sdn. Bhd.</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		b. Awantec System Sdn. Bhd. c. Enfrasys Solutions Sdn. Bhd. d. Cloud Connect Sdn. Bhd.
8	Apakah Kod Bidang bersesuaian bagi perolehan pengkomputeran awan?	210103: <i>Software all computer software, operating system, database, off-the shelf packages including maintenance;</i> 210104: <i>Software / system development including maintenance-data entry/data processing;</i> 210105: <i>Telecommunication/networking supply product, infrastructure, services including maintenance LAN/WAN/Internet/wireless/satellite);</i> 210106: <i>Data management – provide service including maintenance (database/web hosting, disaster, planning/recovery, information storage/retrieval); dan</i> 210107: <i>ICT security and firewall, Encryption, PKI, AntiVirus.</i>
9	Bagaimana sekiranya sesuatu produk/ perkhidmatan pengkomputeran awan yang dimohon tidak ditawarkan oleh semua Panel CSP?	<b><u>Senario 1</u></b> Sekiranya produk/ perkhidmatan pengkomputeran awan tersebut digunakan secara meluas di sektor awam ( <i>well known/common</i> ) seperti Adobe, Kahoot, AutoCad dan lain-lain, pengecualian boleh dipertimbangkan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>Senario 2</b>            Sekiranya produk/ perkhidmatan pengkomputeran awan tersebut tidak digunakan secara meluas di sektor awam dan agensi pemohon belum menggunakannya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Agensi perlu membuat kajian pasaran di kalangan empat (4) Panel MSP/CSP untuk mendapatkan produk/ perkhidmatan yang setara; dan</li> <li>b. Sekiranya hasil kajian pasaran menunjukkan bahawa tiada produk yang setara, pengecualian boleh dipertimbangkan.</li> </ul>
10	Adakah perisian on-premises (dipasang pada desktop, notebook, server di pusat data) perlu mendapat pengecualian?	Tidak perlu. Perisian <i>on-premises</i> yang tertakluk di bawah CFA meliputi produk Microsoft dan ianya adalah kesinambungan daripada kontrak pusat MLA yang telah tamat.
11	Agensi manakah yang layak menggunakan CFA?	<p><b>PKPA Bil. 1/2021</b>            Pemakaian pekeliling ini terpakai kepada semua agensi Perkhidmatan Awam Persekutuan. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perkhidmatan Awam Negeri;</li> <li>b) Pihak Berkuasa Berkanun; dan</li> <li>c) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b><u>SPA Bil. 7/2024</u></b>            Surat Pekeliling Am ini terpakai kepada semua agensi Sektor Awam bagi semua projek ICT yang dibiayai oleh peruntukan kewangan Persekutuan atau projek ICT yang dilaksanakan melalui kaedah Private Finance Initiative (PFI)/ Public-Private Partnership (PPP).</p> <p>Agensi perlu merujuk PKPA Bil.1/2021 dan SPA Bil.7/2024</p>
12	Adakah semua Agensi Sektor Awam perlu memohon kelulusan/ pengesahan kepada JDN bagi pelaksanaan/pengecualian pengkomputeran awan?	Ya.
13	Adakah agensi perlu melaksanakan klasifikasi data terlebih dahulu sebelum memohon perkhidmatan Government Hybrid Cloud (GHC)?	Ya. Klasifikasi data penting bagi menentukan jenis pengkomputeran awan yang boleh digunakan, sama ada public cloud (GHC), private cloud (PDSA) atau pusat data agensi sendiri.
14	Apakah ciri-ciri keselamatan tambahan yang perlu dilakukan oleh pihak Agensi bagi	Agensi perlu menjalankan penilaian risiko keselamatan maklumat agar teknologi untuk melindungi data rahsia rasmi dikenal pasti di semua peringkat pemprosesan

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	perkhidmatan pengkomputeran awan terutamanya bagi data terperingkat?	(data-dalam-simpanan, data-dalam-pergerakan dan data-dalam-penggunaan) di pengkomputeran awan.
15	Adakah Kaedah Perolehan Secara Rundingan Terus Terpakai Untuk Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan?	Berdasarkan PK2.6: Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam, Para 5.3.1 (c) "Sekiranya teknologi cloud yang diperlukan adalah spesifik dan hanya dapat dibekalkan oleh satu CSP sahaja (sole provider) dari kalangan panel CSP, <b>MAMPU</b> hendaklah mengesahkan perkara tersebut dan memutuskan kesesuaian perolehan berkenaan dilaksanakan secara rundingan terus. Agensi hendaklah melaksanakan rundingan harga berdasarkan tatacara yang berkuatkuasa sebelum dimuktamadkan di peringkat PBM".
16	Apakah Tempoh Langganan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan di bawah CFA?	Tempoh langganan perkhidmatan pengkomputeran awan di bawah CFA bagi setiap projek adalah di antara tiga (3) hingga lima (5) tahun.

BIL	SOALAN	JAWAPAN		
17	Bilakah tempoh kuatkuasa Cloud Framework Agreement (CFA) semasa?	<b>PANEL CSP/MSP</b>	<b>TAMAT KONTRAK CFA</b>	<b>PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK CFA</b>
		AWS / Radmik	31 Disember 2024	(6) bulan + (6) bulan tertakluk ketersediaan CFA 2.0 (yang mana terdahulu) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 - 31 Disember 2025
		Google / Awantec	31 Disember 2024	(6) bulan + (6) bulan tertakluk ketersediaan CFA 2.0 (yang mana terdahulu) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 - 31 Disember 2025
		Microsoft / Enfrasys	28 Februari 2025	Dalam Tindakan
		TM / Cloud Connect	31 Disember 2024	(6) bulan + (6) bulan tertakluk ketersediaan CFA 2.0 (yang mana terdahulu) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 - 31 Disember 2025

BIL	SOALAN	JAWAPAN
18	Adakah kerajaan akan melaksanakan CFA 2.0 sebagai kesinambungan kepada pelaksanaan pengkomputeran awan dalam sektor awam?	Kajian Impak dan Halatuju MyGovCloud@CFA telah selesai dilaksanakan oleh Jabatan Digital Negara (JDN) pada September 2024 dan telah diperakukan oleh Kementerian Digital pada Oktober 2024. Cadangan pelaksanaan MyGovCloud@CFA 2.0 masih dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.
19	Apakah tatacara permohonan dan perolehan langganan perkhidmatan pengkomputeran awan selepas tamat CFA?	Permohonan langganan perkhidmatan pengkomputeran awan boleh dilaksanakan seperti biasa berdasarkan tatacara semasa yang berkuatkuasa seperti pada <b>Soalan 1</b> manakala tatacara perolehan adalah tertakluk kepada keputusan Kementerian Kewangan yang akan diumumkan kelak.